



LEBUHRAYA PANTAI TIMUR

GOMBAK ■ KARAK ■ KUANTAN ■ JABOR

ANIH BERHAD Kendalian AlloyMtd

SIARAN AKHBAR UNTUK SIARAN SEGERA

LPT 1 GUNA KUTIPAN TOL ELEKTRONIK (ETC) SEPENUHNYA MULAI 14 OGOS 2017

- Semua 9 plaza tol di LPT 1 akan menggunakan ETC sepenuhnya mulai jam 12 tengah hari.
- Tiada lagi tunai, hanya kad Touch 'n Go atau SmartTAG diterima untuk transaksi bayaran tol di 9 plaza tol berkenaan.

TEMERLOH, 14 Julai 2017 - ANIH Berhad, syarikat konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) hari ini mengumumkan bahawa plaza tol seperti yang disenaraikan akan melaksanakan kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya **mulai jam 12 tengah hari, 14 Ogos 2017 (Isnin)**. Plaza tol-plaza tol yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Plaza Tol	Negeri
1	Karak	Pahang
2	Lanchang	Pahang
3	Temerloh	Pahang
4	Chenor	Pahang
5	Maran	Pahang
6	Sri Jaya	Pahang
7	Gambang	Pahang
8	Kuantan	Pahang
9	Jabor	Terengganu

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Nik Hussein berkata dengan pelaksanaan ETC sepenuhnya ini, pengguna Lebuh raya Pantai Timur perlu menggunakan sama ada kad Touch 'n Go atau SmartTAG untuk melakukan transaksi bayaran tol di plaza tol-plaza tol berkenaan.

Beliau berkata, untuk melancarkan operasi tol di 9 plaza tol itu, ANIH Berhad akan memastikan kemudahan lorong tambah nilai dan penjualan kad Touch 'n Go di lorong beroperasi 24 jam serta kakitangan akan ditempatkan di lorong bagi membantu masalah yang dialami oleh pengguna sekiranya mereka menghadapi masalah ketika melaksanakan transaksi pembayaran tol elektronik di plaza tol.

“Selain itu, bagi memudahkan lagi pengguna yang kali pertama melalui LPT 1 atau kepada pengguna yang ingin menambah nilai, ANIH Berhad turut menyediakan kaunter penjualan kad kad Touch 'n Go dan khidmat tambah nilai di Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) di Plaza Tol Karak, Plaza Tol Temerloh, Plaza Tol Gambang dan Plaza Tol Kuantan. Semua PKP ini beroperasi 15 jam setiap hari bermula dari 7 pagi hingga 10 malam,” katanya.

Dato' Nik Fauzi berkata, ANIH Berhad turut menyediakan kiosk tambah nilai dan pembelian kad kad Touch 'n Go menerusi konsep layan diri di Hentian Rehat & Rawat (R&R) Temerloh dan R&R Gambang.

“Walaupun transaksi elektronik dilaksanakan sepenuhnya dan terbukti mempercepatkan waktu perjalanan, ANIH Berhad ingin menasihati pengguna supaya sentiasa memastikan baki kad mereka mencukupi.

“Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui kesemua plaza tol ini bagi perjalanan yang lancar ke destinasi yang dituju,” katanya.

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan sistem ini boleh menghubungi **LPT-Line** di 09-547 9111 atau ikuti medium komunikasi seperti Facebook di **Lebuhraya Pantai Timur** dan laman Twitter di **@LPTTrafik** bagi mengetahui status dan keadaan terkini serta isu-isu lain di sepanjang jajaran lebuhraya LPT 1. Mesej turut di paparkan menerusi papan tanda elektronik (VMS) di sepanjang lebuhraya bagi membolehkan pengguna membuat persediaan awal.

Sebelum ini, ANIH Berhad menjadi konsesi terawal yang melaksanakan sistem ETC di plaza tolnya iaitu di KLK yang melibatkan Plaza Tol Gombak, Kuala Lumpur dan Plaza Tol Bentong, Pahang pada 9 September 2015.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@alloymtd.com
2. Ahmad Farizal Abdul Hajar, Naib Presiden, Komunikasi Korporat
farizal.hajar@alloymtd.com
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@alloymtd.com

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi
AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : www.alloymtd.com